

INFOKUS



MAC 2023 | Bil. 82
www.umt.edu.my



Penerbit UMT Intai
Peluang Tembusi
Pasaran Indonesia

Wawancara bersama
Ikon APEL UMT

UMT Santuni Komuniti
**Laksana Pemindahan
Ilmu Pemerksaan
Bidang STEM**




eISSN 2716-6457



9 772716 645004

Terkini di pasaran

RM299.00



MODUL KEMBARA STEM

Penyunting:

**Laili Che Rose
Nurul Syahida Abu Bakar
Siti Maisarah Aziz**

ISBN: **978-967-2793-75-5**
Tahun: **2022**

like and follow us on



penerbitumt

Sidang Redaksi



Penaung

YBhg. Prof. Dato' Dr. Mazlan Abd Ghaffar



Penasihat

Prof. Madya Dr. Che Hasniza Che Noh



Ketua Pengarang

Mohd Afifullah Ahmad



Pereka Grafik

Mohd Fadli Abdullah

Pembaca Prof

Nur Athirah Ramlan

Jurufoto

Kru Media Kreatif

Kandungan

- 4 Penerbit UMT Intai Peluang
Tembusi Pasaran Indonesia
- 6 Wawancara bersama Ikon APPEL UMT
Ahmad Riedhaudden Razak
- 8 UMT Santuni Komuniti Laksana Pemindahan Ilmu
Pemeriksaan Bidang STEM
- 10 PASTEM Naib Juara Debat
Inter Asasi Universiti Awam 2023
- 12 AKUATROP dan Rakan Industri Laksana Bengkel
Pembinaan Tiram
- 14 Tanaman Cendawan
Bantu Jana Pendapatan OKU
- 16 Pusat Asasi STEM Anjur Persidangan
Antarabangsa SEASTEM
- 17 Alumni UMT Kongsi Pengalaman Pembentukan
Jati Diri Menerusi Badan Beruniform
- 18 KNOWING AIMS 2022 @ UMT
Promosi peluang Mobiliti Pelajar
- 20 Terokai Bidang STEM STEM Boot Camp
Tarik Lebih 2000 Peserta
- 22 FTKKI Terima Kunjungan Delegasi Christ
University India
- 24 SESI TEH TARIK Ruang Interaksi TNCAA
Bersama Pensyarah Antarabangsa
- 26 Duta Alumni Bantu UMT Wujudkan Rangkaian
di Selatan Thailand
- 28 MEET & GREET 2022
Rapat Jalinan Bersama Ejen Pelajar Antarabangsa
- 29 BUDDIES UMT
Pemudah Cara Program Antarabangsa
- 30 Renungan



Penerbit UMT Intai Peluang Tembusi Pasaran Indonesia

oleh:
Mohd Afifullah Ahmad
Penerbit UMT

Ruang pengantarabangsaan Penerbit UMT dikembangkan lagi menerusi penyertaan di Indonesia International Book Fair 2022 (IIBF 2022). Indonesia yang memiliki populasi melebihi 275 juta penduduk adalah pasaran terbesar bagi jualan buku di Asia Tenggara.

Berdasarkan rekod Perpustakaan Nasional Republik Indonesia, jumlah judul baharu yang diterbitkan di Indonesia saban tahun adalah lebih daripada 100 ribu judul. Jumlah ini jika diamati adalah kecil jika dibandingkan dengan populasi penduduknya.



Justeru, Penerbit UMT bersama-sama delegasi Malaysia cuba mengintai peluang menembusi pasaran Indonesia bagi mendedahkan genre-genre yang diterbitkan oleh penerbit Malaysia untuk pembaca di seberang.

IIBF 2022 telah berlangsung pada 9 hingga 13 November 2022 di Jakarta Convention Centre, Senayan dan penyertaan Penerbit UMT di IIBF 2022 kali ini adalah sebagai pempamer. Delegasi Malaysia diketuai oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) serta turut disertai oleh 17 pempamer yang lain melibatkan penerbit universiti, penerbit agensi kerajaan dan juga swasta.

Walaupun buku yang dibawa hanya terhad kepada beberapa judul, ternyata penerbitan Penerbit UMT mendapat perhatian oleh

pembaca di sana dengan terjualnya beberapa naskah buku.

Hasil perbincangan bersama rakan-rakan penerbit di Indonesia, mereka bersedia menawarkan bantuan dari aspek jualan dan percetakan khususnya bagi memasarkan buku-buku ilmiah Malaysia di sana.

Selain menyertai pameran di IIBF 2022, delegasi Malaysia turut berpeluang menyertai lawatan kerja ke Gramedia, sebuah konglomerat yang bukan sahaja menerbitkan buku malah turut terlibat dalam industri media yang lain. Selain itu, delegasi turut dibawa melawat ke Politeknik Negeri Media Kreatif (Polimedia) yang merupakan institusi khas bagi pembelajaran penerbitan dan percetakan serta kunjungan ke Kedutaan Besar Malaysia Jakarta.

1. Pelanggan tempatan yang membeli buku terbitan Penerbit UMT
2. Perbincangan bersama Pengarah Universitas Indonesia Publishing
3. Delegasi Malaysia diperkenalkan dengan mesin cetak yang dikeluarkan sekitar tahun 1920-an dan masih berfungsi.



Wawancara bersama Ikon APEL UMT Ahmad Riedhaudden Razak

oleh : Syahrin Said & Profesor Dr. Hafiza Aisyah Hashim
Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat

Ahmad Riedhaudden Razak bertugas sebagai Penolong Pegawai Teknologi Maklumat di Pusat Ekosistem Digital, UMT. Beliau mula berkhidmat di UMT sejak dari tahun 2005 sebagai Juruteknik di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi. Seterusnya diserap sebagai pegawai tetap pada tahun 2007. Keinginan untuk memajukan diri dari segi kelayakan akademik telah mendorong Ahmad Riedhaudden untuk melanjutkan pengajian peringkat diploma secara pendidikan jarak jauh di Politeknik Sultan Mizan, Dungun.

Setelah menamatkan pengajian di peringkat diploma, beliau telah dinaikkan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat. Kecintaannya dalam bidang teknologi maklumat di samping keinginan untuk memajukan diri telah mendorong Ahmad Riedhaudden mencari jalan untuk melanjutkan pelajaran. Pada mulanya beliau berhasrat menyambung pelajaran secara sepenuh masa, namun pada masa itu kemudahan cuti belajar untuk staf sokongan belum ditawarkan. Hasratnya juga tertangguh kerana komitmen kewangan.

Ibarat kata pepatah pucuk dicita, ulam mendatang, beliau akhirnya mendapat maklumat peluang melanjutkan pelajaran di bawah program Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan menggunakan pengalaman yang diperkenalkan oleh KPT. Berbekalkan pengalaman selama hampir 15 tahun sebagai Penolong Pegawai dalam bidang Teknologi Maklumat beliau berasa terpanggil untuk menyambung pelajaran menerusi jalan alternatif ini.

Sebagai perintis bagi program APEL di UMT, Ahmad Riedhaudden telah ditawarkan tempat dan mendaftar sebagai pelajar Sarjana di UMT pada semester ini menggunakan program kemasukan APEL. Ikuti wawancara Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat bersama beliau bagi berkongsi pengalaman memohon APEL.

JPSH: Apa perasaan saudara dapat melanjutkan pelajaran di bawah APEL?

Ahmad Riedhaudden: Saya berasa sangat gembira dan bersyukur kerana mendapat

peluang untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan berasa teruja kerana cita-cita ini dapat dicapai.

JPSH: Bagaimanakah saudara mendapatkan maklumat tentang APEL? Dan bagaimana tertarik untuk melanjutkan pelajaran dengan cara ini?

Ahmad Riedhaudden: Maklumat berkaitan APEL ini saya dapat melalui rakan-rakan sekerja yang telah mendaftar untuk melanjutkan pelajaran secara APEL di universiti lain yang terlebih dahulu menawarkan APEL.

JPSH: Bagaimanakah prosedur/cara-cara saudara memohon APEL

Ahmad Riedhaudden: Langkah yang pertama, saya membuat membuat carian maklumat dan bacaan maklumat di laman web KPT. Ini dilakukan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Ketika bekerja dari rumah saya mengambil peluang ini untuk lebih serius kerana ada kesempatan masa.

Seterusnya saya berdaftar dan membuat bayaran untuk mengambil peperiksaan APEL. Saya memohon melalui Open University Malaysia secara dalam talian dan berjaya lulus. Setelah lulus peperiksaan, ada dua kali temu duga yang perlu dilalui bagi menyemak kelayakan pengalaman dan menjawab soalan-soalan yang berkaitan. Setelah lulus sijil APEL barulah saya memohon UMT dan akan mendaftar pada bulan Mac 2023 untuk peringkat Sarjana (kerja kursus).

JPSH: Siapakah yang banyak membantu?

Ahmad Riedhaudden: Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ketua Bahagian, Encik Zulfadli yang banyak memberikan galakan dan sokongan untuk saya maju dalam kerjaya. Saya berasa bertuah mendapat seorang ketua yang prihatin seperti beliau. Saya juga mendapat bantuan dari rakan-rakan sekerja. Mereka terdiri daripada staf UMT yang sangat memberikan sokongan dan berkongsi ilmu. Antaranya Puan Adila, Puan Fauziah Nawi dan Puan Norakmal.

JPSH : Berapa kos yang diperlukan?

Ahmad Riedhaudden: Untuk mengambil APEL ini tidak memerlukan kos yang mahal dan saya rasa tidak terbeban. Kos bayaran peperiksaan APEL sebanyak RM370. Oleh kerana saya merupakan sebahagian program rintis UMT, pihak universiti bersedia memberikan potongan yuran pengajian sebanyak 50 peratus.

JPSH: Pesanan kepada sesiapa yang berminat.

Ahmad Riedhaudden: Kepada rakan-rakan yang berminat ambillah peluang yang ada ini untuk kita belajar, apatah lagi belajar di tempat kita bekerja. Pensyarah yang ada di UMT sedia dan sangat-sangat membantu.

Informasi berkaitan APEL

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan APEL boleh berhubung dengan Jabatan Pembelajaran Sepanjang hayat , PPAL atau membuat permohonan secara dalam talian di <http://www2.mqa.gov.my/APEL/>

Fakta APEL.A

Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (Accreditation of Prior Experiential Learning, APEL) merupakan satu proses sistematik yang melibatkan identifikasi, dokumentasi dan penilaian pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu.

APEL.A memberi peluang kepada mereka yang mempunyai pengalaman kerja tetapi kurang kelayakan atau tiada kelayakan akademik untuk menyambung pelajaran di Pemberi Pengajian Tinggi (PPT). Secara umumnya, penilaian APEL.A melibatkan penilaian terhadap ilmu yang diperoleh oleh seseorang itu menerusi pendidikan formal mahupun menerusi pengalamannya terdahulu.

UMT Santuni Komuniti

Laksana Pemindahan Ilmu

Pemeriksaan Bidang STEM

oleh: Profesor Madya Dr. Azrilawani Ahmad
Dr. Rohani Shahrudin
Fakulti Sains dan Sekitaran Marin



Berdasarkan statistik yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2018, bilangan pelajar yang mengambil jurusan sains tulen di tingkatan empat adalah menurun dan ini merupakan suatu perkara yang membimbangkan. Matlamat negara untuk mencapai sasaran 60 peratus pelajar sains menjelang tahun 2030 memerlukan usaha gigih daripada semua pihak termasuk warga pendidik, ibu bapa dan masyarakat keseluruhannya.

Bagi mendokong hasrat kerajaan untuk meningkatkan bilangan pelajar dalam jurusan sains khususnya STEM (Sains, Teknologi, kejuruteraan dan Matematik), 'Program Memperkasakan STEM di Kalangan Anak-Anak Sekolah Menengah Mukim Mengabang Telipot' telah dirangka dan berjaya dilaksanakan pada 15 Oktober hingga 22 November 2022.

Program pemindahan ilmu ini diketuai oleh Profesor Madya Dr. Azrilawani Ahmad

dari Fakulti Sains dan Marin Sekitaran (FSSM) di bawah dana 'Knowledge and Technology Assimilation Grant Scheme (KTAGS)', Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri UMT. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memperteguhkan lagi pemahaman anak-anak Mukim Mengabang Telipot dalam bidang STEM, seterusnya menarik minat anak-anak Mukim Mengabang Telipot untuk memilih bidang STEM sebagai pilihan utama pada masa hadapan terutamanya semasa di tingkatan empat.


Uniknya mengenai program ini, semua pensyarah yang terlibat adalah terdiri daripada pensyarah-pensyarah UMT yang menetap di Mukim Mengabang Telipot dan merupakan pakar dalam bidang STEM. Mereka juga berperanan dalam membimbing peserta dan bertindak sebagai fasilitator dalam memastikan aktiviti setiap modul dilaksanakan mengikut pelan pengajaran dan pembelajaran yang



1



2



3



4



5

digariskan dalam modul yang telah dibangunkan bagi program ini.

Program ini juga telah mendapat kerjasama wakil komuniti Mukim Mengabang Telipot terdiri daripada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Kolam, Kampung Tanjung Gelam, Kampung Banggol Telipot, Kampung Tengah Telipot, Kampung Gong Sekolah, serta SMK Kompleks Mengabang Telipot.

Seramai 64 orang peserta telah mendaftar bagi program ini yang terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan 1, 2 dan 3 yang menetap di Mukim Mengabang Telipot. Sebanyak tiga modul telah diperkenalkan kepada para peserta merangkumi Modul 1: Kimia dan Alam Sekitar, Modul 2: Matematik dan Biodiversiti serta Modul 3: Robotik dan Biodiversiti. Program ini turut dibantu oleh para pelajar dari Pusat Asasi STEM UMT serta pelajar prasiswazah dan pascasiswazah dalam bidang masing-masing. Melalui program ini, para peserta dilihat komited dalam melaksanakan semua aktiviti dalam setiap modul yang dijalankan. Maklum

balas positif juga diterima selain permintaan untuk dijalankan pada masa hadapan.

Sebagai menghargai penglibatan sepenuhnya para peserta dan untuk menghargai jasa dan sumbangan semua mentor, fasilitator, ahli jawatankuasa serta wakil komuniti yang terlibat dalam program ini, satu Majlis Apresiasi dan Penutup Program Pemerkasaan STEM Mukim Mengabang Telipot telah diadakan pada 11 Februari 2023 dan dirasmikan oleh Pengarah Pusat Pindahan Ilmu dan Jaringan Industri, Dr. Zuha Rosufila Abu Hasan.

Program seumpama ini dapat menjadi suntikan ke arah kesedaran kepentingan STEM di sekolah dan menyemarakkan semangat sukakan mata pelajaran STEM. Di samping itu juga, diharapkan program ini dapat memberi kesan kepada adik-adik pelajar yang telah mengikuti program ini, di mana mereka bukan sahaja komited dalam mendalami STEM, malah turut berkongsi pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi daripada program ini kepada rakan-rakan yang tidak berpeluang menyertai program ini.

1. *Profesor Dr. Asyraf Haji Ab Rahman menyampaikan ceramah bertajuk 'Sains dari Perspektif Islam'*
2. *Aktiviti membina model rantai kekunci 'Ocean in a Bottle'*
3. *Mentor menunjukkan cara untuk menghasilkan larutan garam bagi eksperimen 'Electrochemical Etching'.*
4. *Modul 2 Biodiversiti membawa peserta mengembara ke alam haiwan*
5. *Modul 3 mendedahkan peserta kepada pengenalan asas mengenai mikroorganisma dalam kehidupan seharian.*



PASTEM Naib Juara Debat Inter Asasi Universiti Awam 2023

oleh: Prof. Madya Dr. Laili Che Rose
Noor Farahani binti Mohd Lazim
Pusat Asasi STEM

Sekumpulan pelajar Asasi STEM UMT terus memahat sejarah selepas berjaya melangkah ke peringkat akhir Pertandingan Debat Inter Asasi Universiti Awam 2023 dan muncul sebagai naib juara.

Sebanyak 44 pasukan Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu daripada 13 institut pengajian tinggi (IPT) dan matrikulasi seluruh negara, telah bersaing merebut piala pusingan

Pertandingan Debat Inter Asasi Universiti Awam 2023. Pertandingan bagi pusingan separuh akhir dan akhir telah berlangsung di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia pada 18 dan 19 Februari 2023.

Pusingan akhir kategori Bahasa Inggeris memperlihatkan saingan sengit antara dua pasukan dari Universiti Malaya A dan UMT dengan usul bertajuk 'This House Believes



That Parents Should Raise Their Children to Prioritise Collectivism over Individualism’. Meskipun tewas, pencapaian ini adalah cukup besar dan bermakna bagi pendebat UMT yang dibarisi oleh Muhammad Haziq Irfan Azman, Muhammad Adam Kamarul Azman, Muhammad Aiman Syauqi Mohamad Zaini dan Muhammad Hazezur Abdul Rauf.

“Kemenangan ini adalah satu kejayaan yang istimewa bagi kami namun pengalaman dan perjalanan kami untuk sampai ke tahap ini adalah jauh lebih berharga”, kata Muhammad Haziq Irfan.

Pertandingan Debat Inter Asasi Universiti Awam adalah acara tahunan anjuran Majlis Asasi Dekan/Pengarah Asasi Universiti Awam yang menghimpunkan barisan pendebat yang

merupakan pelajar Asasi dan Matrikulasi. Ia mula diperkenalkan pada tahun 2020 menggunakan format debat ala parlimen dengan objektif utamanya untuk menetengahkan bakat, mengasah kemahiran pengucapan awam dan seni orator dalam kalangan pelajar asasi/matrikulasi.

Sementara itu, Pengarah Majlis Asasi Dekan/Pengarah Asasi Universiti Awam, Prof. Madya Dr. Laili Che Rose, juga merupakan Pengarah di Pusat Asasi STEM UMT berkata pertandingan debat yang sudah memasuki edisi ketiga itu dapat membudayakan amalan berfikir secara kritis dan analitikal dalam kalangan pelajar dan berharap agar penganjuran ini akan diteruskan pada masa akan datang.

AKUATROP dan Rakan Industri Laksana Bengkel Pembiakan Tiram



oleh: Rabi Atun Adawiah
Norainy Mohd Husin
Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan

Tiram adalah makanan akuatik yang semakin mendapat permintaan di negara kita. Walau bagaimanapun, industri pengeluaran perikanan negara menghadapi cabaran untuk memenuhi kehendak pasaran makanan akuatik ini yang semakin meningkat. Oleh yang demikian, Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP) telah mengambil inisiatif dengan mengadakan satu bengkel berkaitan dengan kerjasama rakan industri, Ain Aquaculture Sdn. Bhd. (AASB).

Diketuai oleh Pn Norainy Mohd Husin, Bengkel Pengenalan Pembiakan Tiram telah dilaksanakan pada 30 November 2022 bertempat di Hatcheri Kg. Pulau Gajah, Kota Bharu, Kelantan. Seramai 12 orang peserta telah mengikuti bengkel ini yang terdiri daripada komuniti setempat, staf AASB dan pelajar Universiti Malaya serta dua orang pelajar praktikal daripada Universitas Airlangga (UNAIR), Indonesia.

Program pemindahan ilmu daripada akademia kepada pihak penternak dan juga komuniti setempat ini bertujuan untuk memberi pendedahan berkaitan pembiakan tiram yang boleh dilakukan secara aruhan di hatcheri bagi memastikan bekalan anak (spat) tiram dapat diperolehi sepanjang tahun. Ini dapat memastikan permintaan tiram dapat dipenuhi sepanjang tahun dan juga bagi menjamin kualiti produk tiram yang dipasarkan.


Dalam bengkel ini, para peserta telah didedahkan dengan teori biologi tiram dan pembiakan aruhan tiram sebelum diteruskan dengan latihan praktikal untuk pemilihan induk dan pembiakan aruhan. Para peserta juga buat pertama kali dapat melihat secara dekat gonad tiram dan juga mempelajari morfologi luaran dan dalaman tiram bagi manipulasi kaedah aruhan pembiakan tiram.

Ternakan tiram secara konvensional dibuat melalui sistem rakit iaitu tiram diletakkan

di dalam bakul dan kemudian diikat dan diapungkan dalam air payau bersaliniti dalam julat 15ppt hingga 25ppt. Beberapa induk tiram dipilih berdasarkan saiz tertentu bagi proses aruhan kerana jantina tiram tidak dapat ditentukan melalui pemerhatian fizikal.

Penganjuran bengkel ini mendapat maklum balas positif daripada para peserta untuk diteruskan siri bengkel selanjutnya berkaitan pembiakan tiram. Untuk rekod, kerjasama antara AKUATROP dan juga Ain Aquaculture

Sdn. Bhd. bagi projek pembiakan tiram telah dimeterai melalui memorandum perjanjian (MoA) yang ditandatangani pada 18 Oktober 2022. Menerusi kerjasama kedua-dua organisasi ini, pembiakan dan penternakan tiram di Pantai Timur Semenanjung Malaysia diharapkan mampu bersaing dengan pengimport dari luar bagi memenuhi permintaan tiram yang semakin mendapat tempat oleh penggemar makanan laut di Malaysia.



1. Kaedah penternakan tiram secara rakit dan pemilihan induk bagi proses aruhan. Terdapat beberapa kaedah aruhan tiram iaitu aruhan secara semula jadi dengan menggunakan perubahan suhu untuk merangsang pengeluaran gonad atau menggunakan kaedah fizikal iaitu 'stripping'.
2. Para peserta sedang memerhatikan gonad betina yang hampir matang untuk pembiakan aruhan menggunakan mikroskop kompaun.



Tanaman Cendawan Bantu Jana Pendapatan OKU

oleh: Ts. Dr. Wan Zaliha Wan Sembok
PM. Dr. Wahizatul Afzan Azmi

Bidang pertanian merangkumi pengeluaran hasil tani seperti tanaman makanan dan bukan makanan. Tanaman makanan adalah terdiri daripada tanaman buah-buahan, sayur-sayuran, ubi-ubian serta bijirin. Tahap sara diri bagi sayur-sayuran di Malaysia adalah sangat rendah iaitu hanya 44.6%.

Hal ini bermakna, Malaysia masih lagi bergantung kepada sumber makanan luar negara bagi menampung keperluan makanan negara. Oleh itu, kesedaran akan kepentingan melestarikan sumber makanan negara dengan mengurangkan kebergantungan kepada sumber luar adalah satu kewajipan yang menjadi fokus utama bukan sahaja kepada para pemimpin tetapi rakyat Malaysia sendiri.

Tumpuan cakna sumber makanan ini juga perlu disebarluaskan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Untuk rekod, terdapat 20,467 OKU di Terengganu merangkumi pelbagai kategori kecacatan. Pendedahan ilmu pertanian khususnya penanaman cendawan kepada komuniti terpilih ini bakal menjana sumber pendapatan sampingan serta mampu meningkatkan taraf sosioekonomi golongan OKU ini.

Justeru itu, seramai 20 orang ahli Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia Terengganu (POCPT) dan 10 orang ahli Persatuan Orang Pekak Terengganu (POPT) telah menyertai program pemindahan ilmu 'Mikopreneur: Satu Langkah Ke Arah Jaminan Kecukupan Makanan dan Peningkatan Sara Diri Komuniti'. Program ini telah bermula



pada bulan Ogos 2022 dengan pemberian 600 bongkah cendawan separa matang kepada peserta OKU kecacatan pendengaran dan penglihatan.

Program yang diketuai oleh Ts. Dr. Wan Zaliha Wan Sembok ini dijayakan menerusi dana Knowledge and Technology Assimilation Grant Scheme (KTAGS) BERJUMLAH RM8000 dan diagihkan pula kepada dua lagi komuniti iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Mansor dan Sekolah Kebangsaan Bukit Tunggal.

Setiap komuniti juga dibekalkan dengan sebuah rak cendawan yang telah diinovasikan oleh penyelidik UMT yang boleh memuatkan 300 hingga 500 bongkah cendawan. Pemberian bongkah cendawan kepada komuniti dibuat sebanyak dua kali iaitu 300 bongkah bagi setiap musim penanaman.

Melalui dana ini, Dr. Wan Zaliha melaksanakan pemindahan ilmu tentang penanaman cendawan tiram kelabu secara fertigasi yang menggunakan bongkah cendawan yang telah diguna pakai sebagai media tanaman dan bongkah cendawan yang dijadikan pembaik tanah. Para peserta juga telah diajar tentang teknik penanaman secara hidroponik.

Pengerusi POCPT, En Asmadi Wahab berkata beliau sangat teruja dengan aktiviti yang julung-julung kali diadakan ini. “Selama lima tahun memegang jawatan pengerusi, program ini telah memberi impak positif dalam kalangan para peserta dan ada yang telah mencuba untuk mengusahakannya secara kecil-kecilan”, ujarnya.

Tengku Arman Harris Tengku Ismail pula menyatakan bahawa penanaman cendawan tiram kelabu sangat mudah dijaga, tidak seperti penanaman menggunakan teknik fertigasi. Beliau yang telah bekerjasama rapat dengan penyelidik UMT semenjak tahun 2020 amat menyambut baik program Mikopreneur ini.

Sehingga Januari 2023, sebanyak 50 kg cendawan tiram kelabu telah dituai oleh kedua-dua komuniti bagi dua musim penanaman. Penanaman cendawan tiram kelabu ini adalah ilmu baharu bagi mereka. Meskipun hasil yang diperoleh mungkin sedikit namun ia menjadi titik mula untuk penanaman musim yang akan datang.

Industri tanaman cendawan tiram kelabu mempunyai permintaan yang tinggi dan keupayaan hasil yang diperoleh dalam jangka masa singkat serta pulangan lumayan menjadikan tanaman ini diletakkan sebagai salah satu daripada tujuh tanaman industri bernilai tinggi negara dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0.

1. *Penanaman Cendawan Tiram kelabu di POCPT*
2. *Penanaman Cendawan Tiram kelabu di POPT*
3. *Presiden POPT, Tengku Arman Harris Tengku Ismail dengan hasil cendawan*

Pusat Asasi STEM Anjur Persidangan Antarabangsa SEASTEM

oleh:

Prof. Madya Dr. Laili Che Rose
Nurul Syahida Abu Bakar
Pusat Asasi STEM



Buat julung kalinya Pusat Asasi STEM dengan kerjasama IMT-GT Uninet telah menganjurkan persidangan Antarabangsa 3rd SEASTEM pada 28 dan 29 November 2022. IMT-GT Uninet yang dianggotai oleh Indonesia, Malaysia dan Thailand mempunyai agenda untuk membangunkan STEM di negara-negara ini melalui pelbagai aktiviti termasuk Persidangan Antarabangsa SEA-STEM tahunan.

Dengan tema “membentuk masa depan yang kreatif dan inovatif dalam STEM”, persidangan ini memberi peluang kepada para pendidik, saintis akademik, penyelidik, jurutera, guru dan mereka yang berkaitan untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam pembelajaran dan pengajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) untuk memperkasakan kualiti pendidikan diseluruh dunia.

Persidangan ini merupakan salah satu platform untuk bertukar pengetahuan dan berkongsi pengalaman daripada hasil inovasi dan penyelidikan antara ahli akademik dan penyelidikan dari institusi pendidikan di dalam dan luar negara yang berkaitan dengan bidang STEM. Serentak dengan persidangan ini juga turut berlangsung empat siri bengkel iaitu *Build Mobile Apps with App Inventor*, *How to Create Video Messages by Canva*, *Internet of Things (IoT): Design and Innovation Application* dan *metaverse*.

Seramai 40 orang peserta menyertai persidangan manakala 22 orang peserta telah menyertai bengkel dan turut menyaksikan lebih 20 peratus penyertaan diterima daripada luar negara. Perasmian pembukaan telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMT, Prof. Dr. Mazlan Abd Ghaffar.

Persidangan ini memfokuskan empat tajuk utama bagi sesi pembentangan iaitu *Technology-Enhanced STEM Teaching and Learning*, *Curriculum Studies and Development Focused STEM Education*, *Pedagogical Modes and Applications of STEM Education* dan *Women and girls in STEM*. Sesi pembentangan lisan telah dijalankan secara hibrid iaitu melalui dalam talian menerusi platform *Webex* dan juga pembentangan secara fizikal.

Selain sesi pembentangan lisan, poster dan juga bengkel, program 3rd SEASTEM ini juga telah dilengkapi dengan sesi ucaptama daripada lima saintis tersohor dalam bidang STEM iaitu Prof. Madya Dr. Rachel Sheffield dari Curtin University Australia, Dr. Kessara Amornvuthivorn dari SEAMEO STEM-Ed Thailand, Prof. Madya Dr. Choy Ban Heng dari National Institute of Education, Singapura, Prof. Dr. Sheryl Lyn C. Monterola, dari University of The Philippines Diliman, Filipina dan Prof. Dato' Dr. Noraini Idris Pengerusi Persatuan STEM Kebangsaan Malaysia.

Alumni UMT Kongsi Pengalaman Pembentukan Jati Diri Menerusi Badan Beruniform

Oleh:
Norul Hanizan Hazin
Pusat Alumni UMT

Bicara Alumni
KEPADA BAKAL ALUMNI
BERSAMA ALUMNI BADAN BERUNIFORM

**Pembentukan Jati Diri Pelajar
Melalui Badan Beruniform**

27 NOVEMBER 2022 | (AHAD) | 8.30 PAGI - 12.30 TENGAHARI
AUDITORIUM MAHYUDDIN, FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

MODERATOR
ASP/KS Prof. Madya Dr. Yusof Shuaib Bin Ibrahim
PENGARAH, PUSAT ALUMNI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

AHLI PANEL
Nursabrina Binti Ahmad Jafri
INSPEKTOR PEGAWAI PENYATAT JENAYAH
IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) SERDANG

AHLI PANEL
Prakash Rao A/L Kaanabathyrao
INSPEKTOR PEGAWAI PENYATAT JENAYAH
IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) SERI ALAM

Pemasaran (2016)

Kimia Analisis dan Persekitaran (2016)

Pusat Alumni UMT | alumni.umd_official | Alumni UMT Official | #KamiCaknaKamiSayangUMT

Melalui Pelan Hala Tuju Alumni 2020 – 2023 (PEHTA 2020 – 2023), elemen Teras Pembudayaan Alumni dan Penyumbangan Kembali Alumni disuburkan pelaksanaan program Bicara Alumni kepada Bakal Alumni bersama Alumni Badan Uniform. Program ini telah diadakan di Auditorium Mahyuddin pada 27 November 2022 dan juga disiarkan secara langsung menerusi media sosial Facebook Pusat Alumni.

Program ini menampilkan dua orang panel iaitu Prakash Rao Kaanabathyrao dan Nursabrina Ahmad Jafri yang merupakan Alumni Badan Beruniform Kor SUKISIS semasa pengajian dan sekarang ini berkhidmat sebagai anggota pasukan beruniform Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Bicara yang bertajuk “Pembentukan Jati Diri Pelajar melalui Badan Beruniform” ini dimoderator oleh Pengarah Pusat Alumni,



Profesor Madya Dr. Yusof Shuaib Ibrahim, yang juga merupakan seorang Pegawai Kehormat SUKISIS UMT.

Seramai 293 orang peserta telah menyertai program ini yang terdiri daripada pelajar UMT, pelajar luar, Alumni UMT dan juga staf UMT. Ahli panel berkongsi pengalaman semasa belajar serta kaitan kepada hala tuju kerjaya dan pembentukan jati diri sebagai anggota badan beruniform.

KNOWING AIMS 2022 @ UMT

Promosi peluang Mobiliti Pelajar

oleh:

Dr. Isma Rosila Ismail
Yuga dan Alina
Pusat Antarabangsa

Program Mobiliti Antarabangsa Asia untuk Pelajar (AIMS) merupakan salah satu inisiatif yang diambil oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk meningkatkan taraf pendidikan dalam kalangan pelajar universiti. Program pertukaran AIMS Malaysia melibatkan pelajar *inbound* dan *outbound* dari universiti yang berkongsi bidang khusus yang serupa.

Untuk itu, Pusat Antarabangsa UMT dan Kelab Buddies UMT dengan kerjasama Universiti Dongguk, Korea, Universitas Gadjah Mada, Indonesia dan Universiti Tsukuba, Jepun telah berjaya menganjurkan “*Knowing AIMS (Asian International Mobility for Student) 2022 @ UMT*” secara dalam talian pada 21 Oktober 2022.


Program ini bertujuan untuk mempromosikan program AIMS di peringkat UMT serta memperkenalkan rakan universiti UMT AIMS kepada pelajar Sarjana Muda tahun satu dan dua daripada kursus Pengurusan Pelancongan, Sains Marin dan Pengurusan serta Sains Alam Sekitar. Melalui program dalam talian ini, pelajar Sarjana Muda UMT akan didedahkan dengan program mobiliti AIMS sejak awal dan digalakkan untuk melibatkan diri serta merancang pengajian mereka lebih awal agar dapat menyertai program AIMS pada masa hadapan.

Program yang disertai oleh 100 orang peserta ini bermula dengan ucapan aluan oleh Pengarah Pusat Antarabangsa, Prof Ts. Dr Lam Su Shiung. Timbalan Pengarah Pusat Antarabangsa, Dr Isma Rosila Ismail seterusnya memberi taklimat tentang urusetia AIMS peringkat UMT. Program ini turut menjemput pensyarah AIMS sebagai *Person-In-Charge* peringkat fakulti iaitu Dr Hafiz Borkhanuddin dari Fakulti Sains Marin dan Alam Sekitar (FSSM), Dr Zaliha Zainuddin, Dr Yusnita Yusof dan Dr Kalsitinoor Set dari Fakulti Perniagaan, Ekonomi Dan Pembangunan Sosial (FPEPS),



Dr Aslina Nasir dari Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM) dan Dr Mohd Sofiyon Sulaiman dari Fakulti Kejuruteraan Marin dan Teknologi Informatik (FTKKI).

Program diteruskan dengan sesi perkongsian yang lebih mendalam tentang program AIMS di UMT daripada Pensyarah Pengurusan Pelancongan, Dr Zaliha Zainuddin. Dalam sesi ini, Dr Zaliha menerangkan secara terperinci konsep AIMS, kebaikan, kriteria pelajar yang dipilih untuk program ini, rancangan pengajian dan maklumat penting tentang program AIMS di UMT. Melalui program *Knowing AIMS 2022 @ UMT* ini, wakil-wakil universiti dari Universiti Tsukuba Jepun, Universiti Gadjah Mada, Indonesia dan Universiti Dongguk, Korea turut berkongsi program AIMS mereka semasa sesi perkongsian.



Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan UMT yang kini sedang melakukan pertukaran semester di Universiti Dongguk turut diberi peluang untuk berkongsi pengalaman semasa menyertai program mobiliti AIMS. Mereka berkongsi secara langsung dari Universiti Dongguk tentang petua dan penyesuaian yang perlu diketahui oleh pelajar jika mereka merancang untuk belajar di luar negara. Semoga perkongsian mereka dapat memberi inspirasi kepada lebih ramai pelajar untuk keluar dari zon selesa dan mencabar diri mereka untuk menjadi lebih global.

UMT Buddies turut menyertai program ini sebagai ahli jawatankuasa dan dilantik sebagai juru acara dan bantuan teknikal. Melalui program ini, UMT Buddies mendapat pendedahan mengenai rangkaian global dan memperoleh kemahiran pengurusan acara.

Program *Knowing AIMS 2022 @ UMT* berjaya memenuhi matlamatnya apabila semua peserta mendapat pemahaman yang lebih jelas tentang tujuan dan cara program AIMS di UMT dilaksanakan. Adalah menjadi harapan program ini dapat membuka mata para pelajar dan merancang untuk belajar di luar negara selain mempromosikan UMT di mata dunia. Program ini juga menyokong mobiliti pelajar dan meningkatkan kerjasama dalam pendidikan tinggi di kalangan negara-negara di Asia.

Untuk rekod, terdapat 10 bidang pengkhususan dalam AIMS termasuk Hospitaliti



dan Pelancongan; Pertanian; Bahasa dan Budaya; Perniagaan Antarabangsa; Sains dan Teknologi Makanan; Kejuruteraan; Ekonomi; Pengurusan dan Sains Alam Sekitar; serta Biodiversiti dan Sains Marin. Setiap universiti yang mengambil bahagian akan menghantar pelajar ke universiti luar negara yang termasuk dalam bidang pengkhususan AIMS untuk menggalakkan aktiviti mobiliti.


Kira-kira 10 universiti awam terpilih di Malaysia telah menyertai program AIMS ini iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Pahang, dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Semua universiti tersebut dipilih berdasarkan bidang pengkhususan yang sepadan dengan bidang khusus AIMS. Bidang pengkhususan UMT termasuklah Hospitaliti dan Pelancongan; Pengurusan dan Sains Alam Sekitar; serta Biodiversiti dan Sains Marin.

1. Cik Indie dari Universitas Gadjah Mada menyampaikan tentang AIMS@UGM
2. Dr. Nomura Nakao dari Universiti Tsukuba, Jepun membentangkan tentang AIMS@Tsukuba University.
3. Gambar 3: Antara hadirin yang hadir pada hari tersebut.
4. Juru Acara majlis dari UMT Buddies Club, Saudari Alina dan Saudari Yuga.

Terokai Bidang STEM

STEM Boot Camp Tarik Lebih 2000 Peserta

oleh:
Prof. Madya Dr. Laili Haji Che Rose
Nurul Syahida Abu Bakar
Pusat Asasi STEM



Mata pelajaran STEM merupakan mata pelajaran yang digeruni dan kurang mendapat sambutan dalam kalangan pelajar. Menyedari hakikat ini, buat julung kalinya Persatuan STEM Kebangsaan Cawangan Negeri Terengganu

telah diberikan mandat untuk memperkasakan STEM dalam kalangan murid sekolah melalui program Terengganu Peers STEM Coaching Boot Camp yang telah diadakan pada 9 hingga 10 September 2022.

Program ini diadakan bertujuan untuk memperluaskan akses pembelajaran STEM kepada komuniti luar bandar terutamanya keluarga yang berpendapatan rendah, memperkasakan bidang STEM di negeri Terengganu dan demi menggalakkan murid memilih bidang STEM untuk peringkat seterusnya.

Program yang berlangsung di UMT dan UniSZA ini menerima penyertaan daripada 15 buah sekolah elit dan 60 buah sekolah harian dengan penyertaan melebihi 2000 orang murid tingkatan tiga dari seluruh daerah di negeri Terengganu.

Program Terengganu Peers STEM Coaching Boot Camp 2022 adalah merupakan satu program pemindahan ilmu yang dijalankan antara pelajar universiti kepada murid sekolah. Program pemindahan ilmu ini melibatkan dua fasa dengan fasa pertama melibatkan pelajar universiti menjadi mentor kepada murid sekolah elit.

Murid sekolah elit ini yang menjadi mentee ketika fasa pertama akan bertukar peranan sebagai mentor dalam fasa kedua. Pada fasa kedua ini, murid sekolah elit akan memindahkan ilmu kepada murid sekolah harian.

Melalui kaedah ini, proses pemindahan ilmu yang berlaku dalam kalangan murid sekolah elit dan harian akan dapat dilihat. Dari segi pembahagian kumpulan, murid sekolah elit dibahagikan mengikut modul STEM yang telah dipelajari seperti Modul STEM Kelautan, Modul STEM Kesihatan, Modul Eksplorasi STEM, Modul STEM Kreativiti dan Inovasi dan Modul STEM Robotik. Manakala sekolah harian dibahagikan kepada lima kumpulan iaitu Kumpulan A, B, C, D dan E.

Menerusi program ini, para guru dan murid mengharapkan ia akan diadakan pada setiap tahun kerana program ini terbukti dapat menyuntik kesedaran dan minat kepada bidang STEM.



FTKKI Terima Kunjungan Delegasi Christ University India

oleh:

Dr. Nur Baini Ismail

Dr. Ruwaidiah Idris

Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik

Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik (FTKKI) telah menerima kunjungan delegasi dari CHRIST (Deemed to be University) (CU) pada 7 hingga 9 Februari 2023 rentetan daripada pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) secara digital pada 11 Oktober 2022 yang lalu. Kehadiran pihak delegasi bertujuan untuk membincangkan lebih lanjut mengenai hala tuju MoU antara kedua-dua universiti meliputi aspek perancangan kerjasama dari segi penyelidikan, geran penyelidikan, penerbitan, mobiliti pelajar, mobiliti staf dan pelbagai aktiviti pertukaran budaya yang berupaya memberikan impak positif kepada kedua-dua universiti.

Pada hari pertama lawatan, delegasi bertemu Dekan FTKKI, Profesor Ir. Dr. Mohammad Fadhli Ahmad dan mengadakan perbincangan perancangan kerjasama bersama

para pensyarah Matematik FTKKI. Dalam pada itu, wakil delegasi, Senior Prof. Dr. Pradeep G. Siddheshwar turut menyampaikan kuliah kepada pelajar siswazah bertajuk, “Bagaimana menerbitkan artikel yang baik dalam bidang matematik?”.

Sesi perkongsian ilmu diteruskan pada hari kedua melalui kolokium mini anjuran bersama Special Interest Group Modelling and Data Analytics (SIGMDA). Kolokium SIGMDA ini dirasmikan oleh Ketua Kluster Data dan Digital Sains, Profesor Dr. Mohd Lazim Abdullah diikuti oleh pembentangan penyelidikan oleh dua orang pensyarah FTKKI iaitu Prof. Madya Dr. R. U. Gobithassan dan Prof. Madya Dr. Roslan Hasni@Abdullah serta kedua-dua profesor pelawat dari CU, Senior Prof. Dr. Pradeep G. Siddheshwar dan Prof. Fr. Dr. Joseph Varghese Kureethara. Kolokium SIGMDA





ini, telah membuka ruang lebih jelas tentang kepakaran kedua-dua universiti dalam bidang matematik dan bakal membuka lebih banyak peluang kerjasama pada masa akan datang.

Kemuncak lawatan delegasi adalah program pertukaran dokumen MoU antara UMT dan CU yang diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor ChM Dr. Marinah Mohd Ariffin bagi pihak UMT.

Prof. Fr. Dr. Joseph Varghese Kureethara berkata beliau melihat pertukaran MoU ini

sebagai usaha positif kedua-dua universiti untuk menghasilkan kerjasama penyelidikan yang berimpak tinggi.

“Kajian menunjukkan bahawa kerjasama penyelidikan antarabangsa antara dua universiti memberikan impak yang lebih besar berbanding kerjasama penyelidikan dalam universiti yang sama. Oleh itu, usaha ini merupakan satu permulaan yang bagus bagi kedua-dua universiti dalam menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi berdasarkan kemudahan penyelidikan yang ada di kedua-dua university,” ujarnya.

1. Prof. Fr. Dr. Joseph Varghese Kureethara menerangkan negara yang telah menjalankan kerjasama penyelidikan dengan CU
2. Staf akademik matematik bersama delegasi dari CU
3. Kuliah kepada pelajar siswazah yang disampaikan oleh Senior Prof. Dr. Pradeep G. Siddheshwar
4. Delegasi CU ketika berlangsungnya kolokium SIGMDA
5. Sesi pertukaran MoU antara UMT dan Christ University, India

SESI TEH TARIK

Ruang Interaksi TNCAA
Bersama Pensyarah
Antarabangsa

oleh:
Dr. Isma Rosila Ismail
Pusat Antarabangsa



ALL INTERNATIONAL
STAFF ARE
INVITED !

**TEH TARIK
SESSION**

with

**DEPUTY VICE CHANCELLOR
(ACADEMIC & INTERNATIONAL)**

**DATE : 23 OCTOBER 2022 (SUNDAY)
TIME : 2.30PM -4.30PM
VENUE : DEWAN JAMUAN SENAT,
LEVEL 3 CHANCELLERY**

Relax and chit chat over the tea/coffee
with Profesor Ts. Dr. Mohd Zamri bin Ibrahim
on academic matters



Teh Tarik boleh dianggap sebagai minuman kebangsaan Malaysia yang menggambarkan kepelbagaian masyarakat Malaysia sendiri yang dinikmati tidak kira masa khususnya ketika waktu santai menikmati kudapan.

Justeru itu, Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik dan Pengantarabangsaan dengan sokongan Pusat Antarabangsa mengambil konsep santai ini dengan menghimpunkan 26 orang pensyarah antarabangsa UMT dalam Sesi Teh Tarik pada 23 Oktober 2022 yang lalu.

Tujuan sesi ini diadakan adalah untuk berkongsi dan memaklumkan pensyarah antarabangsa di UMT mengenai perancangan pengantarabangsaan, program akademik antarabangsa, geran antarabangsa, perancangan dan strategi promosi untuk meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa.

Pensyarah-pensyarah antarabangsa ini telah dijemput untuk menyertai acara santai ini bersama Timbalan Naib Canselor (Akademik

& Antarabangsa), Profesor Ts. Dr Mohd Zamri Ibrahim.

Dalam sesi ini juga, beberapa isu telah dibincangkan seperti hal akademik, KPI pensyarah antarabangsa, hal bahasa dan pengambilan pelajar antarabangsa oleh kakitangan dan pensyarah antarabangsa. Turut terlibat, Pengarah Pusat Pengajian Siswazah (PPS) Profesor Ts. Dr Amiza Mat Amin yang turut memberi nasihat dan input sepanjang sesi ini.

Program seumpama ini telah mewujudkan ruang perbincangan yang produktif dalam menyelesaikan pelbagai cabaran selain membantu pensyarah-pensyarah di UMT untuk terus menyumbang bakti di sini.

Diharapkan penyertaan PTj lain seperti Pejabat Pendaftar, Pejabat Keselamatan, Pusat Kesihatan Universiti (PKU), atau HEPA dapat diadakan di masa depan dalam berkongsi maklumat dengan pensyarah antarabangsa di UMT.



Duta Alumni Bantu UMT

Wujudkan Rangkaian di Selatan Thailand

oleh:
Noorullaily binti Saffain
Pusat Alumni UMT



Program Promosi Bersasar Selatan Thailand telah dilaksanakan oleh Pusat Antarabangsa UMT selama empat hari bermula pada 21 hingga 24 November 2022. Program ini melibatkan beberapa pusat tanggungjawab di UMT dalam usaha untuk menarik lebih ramai pelajar pascasiswazah dari Selatan Thailand.

Pusat Alumni yang disertai oleh Pengarah Pusat Alumni, Prof. Madya Dr. Yusof Shuaib Ibrahim telah mengambil peluang ini bagi melaksanakan program pengantarabangsaan alumni antarabangsa melalui elemen pengesanan alumni yang diadakan di Narathiwat, Thailand sebagaimana yang terkandung di dalam Pelan Hala Tuju Alumni

2020-2023 (PEHTA 2020-2023). Program ini juga adalah salah satu inisiatif Pusat Alumni bagi mencapai sasaran Key Performance Index (KPI) penglibatan alumni dengan program anjuran universiti di dalam Pelan Strategik UMT 2018-2022.

Program promosi bersasar di Selatan Thailand ini juga adalah bertujuan untuk mendapatkan respon alumni antarabangsa antaranya berkenaan pelaksanaan program akademik berbentuk Dual Degree Program/ Dual Master/ Dual PhD bersama institusi di Thailand.

Selain itu juga, UMT turut mengintai peluang bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar UMT bagi mengikuti program mobiliti



2



3

akademik di institusi di Thailand dan juga ruang penyelidikan bersama dan perolehan geran penyelidikan antarabangsa.

Menerusi program ini, seramai empat orang alumni antarabangsa telah dilantik sebagai Duta Alumni Thailand iaitu Encik Taufik Hayimad yang merupakan Pensyarah di Princess of Naradhiwas University, Dr. Muhammadhusnee Yanya dan Dr. Ibraheng Saleh dari Madrasah

Darussalam serta Profesor Madya Dr. Sukree Hajisamae dari Prince of Songkla University.

Pusat Alumni menggunakan ruang dan peluang ini bagi menjadikan alumni antarabangsa sebagai sumber rujukan dalam merealisasikan program pengantarabangsaan alumni UMT. Selain itu juga, alumni antarabangsa adalah penggerak bagi menjadikan UMT universiti terunggul di peringkat antarabangsa.

1. Penyerahan sijil pelantikan sebagai Duta Alumni kepada Dr. Muhammadhusnee Yanya di Madrasah Darussalam
2. Penyerahan sijil pelantikan sebagai Duta Alumni kepada En. Taufik Hayimad dan Dr. Ibraheng
3. Penyerahan sijil pelantikan sebagai Duta Alumni kepada Prof. Dr. Sukree Hajisamae di D'Aman Resort Songkla

MEET & GREET 2022

Rapat Jalinan Bersama Ejen Pelajar Antarabangsa

oleh: Dr. Isma Rosila Ismail
Pusat Antarabangsa



Bagi meningkatkan enrolmen pelajar antarabangsa, salah satu inisiatif yang diambil oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan) dengan bantuan Pusat Antarabangsa UMT adalah melalui ejen pengambilan pelajar antarabangsa.

Justeru itu, sesi *Meet & Greet 2022* bersama ejen pengambilan pelajar ini telah diadakan pada 19 Oktober 2022. Setiap ejen berpeluang bersoal jawab bersama Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Ts. Dr Mohd Zamri Ibrahim.

Majlis yang dihadiri oleh 12 ejen berdaftar ini bertujuan untuk menyediakan ejen pengambilan pelajar dengan maklumat dan pengetahuan mengenai kemasukan dan proses pendaftaran untuk pelajar antarabangsa di UMT.

Sesi ini juga turut membuka peluang kepada wakil ejen membincangkan isu atau sebarang kemajuan dalam meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa di UMT. Pusat Pengurusan Pasca Siswazah dan Pusat Pengurusan Akademik dan Kualiti turut



dijemput untuk berkongsi maklumat berkaitan kepada ejen mengenai keperluan dan tarikh penting untuk pelajar pascasiswazah dan sarjana muda.

Selain diberi taklimat tentang latar belakang UMT, beberapa isu turut dibincangkan antaranya seperti tempoh pengeluaran surat tawaran, kelas fizikal yang perlu dihadiri pelajar, status STEM Antarabangsa, pengambilan pelajar dan tarikh akhir permohonan, proses visa dan bahan promosi.

Menerusi program seumpama ini, jambatan penghubung dapat dibina antara ejen dan pelbagai PTJ yang terlibat sekali gus dapat mempromosikan dan menonjolkan UMT semasa sesi promosi mereka di luar negara.



1. Antara ejen yang terlibat semasa sesi *Meet and Greet 2022*

2. Sesi Soal Jawab bersama Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Ts. Dr Mohd Zamri Ibrahim

BUDDIES UMT

Pemudah Cara Program Antarabangsa

oleh:
Dhia Airina Noor Salizam
Dr. Isma Rosila Ismail
Pusat Antarabangsa



Virtual Culture, Language and Environment Program 2022 (VCLEP 2022) telah dianjurkan oleh Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) pada 3 hingga 4 Disember 2022 baru-baru ini. Program ini telah dijayakan dengan bantuan Kelab UMT Buddies dibawah naungan Pusat Antarabangsa UMT.

Walaupun program ini dijalankan selama dua hari semasa cuti pertengahan semester namun ia tidak menghalang UMT Buddies Club untuk menghulurkan bantuan bagi menjayakan program ini. Seramai 16 UMT Buddies telah terpilih untuk menyertai program ini dan saudara Merven Durai telah dilantik sebagai juru acara sepanjang program dua hari ini manakala selebihnya bertindak sebagai fasilitator untuk sesi refleksi dan perbincangan dalam kumpulan.

Beberapa hari sebelum program, UMT Buddies yang terlibat telah diberikan taklimat mengenai perjalanan program dan juga peranan UMT Buddies. Mereka perlu bertindak sebagai fasilitator dalam kumpulan yang telah ditetapkan. UMT Buddies yang terpilih untuk program ini telah menyertai raptai sehari sebelum acara sebenar untuk memastikan perjalanan program berjalan dengan baik.

Walaupun berdepan masalah ketika berlangsungnya program, UMT Buddies tetap tenang sepanjang masa dan bekerjasama di belakang tabir melalui kumpulan WhatsApp untuk menyelesaikan perkara ini bersama-sama penganjur. UMT Buddies tidak panik dan tetap menjalankan tugas dengan baik dan memberikan rumusan ringkas tentang slot sebelum ini dengan kreativiti mereka sendiri dan menggalakkan peserta menyertai perbincangan.

Peranan UMT Buddies yang paling penting ialah membantu peserta antarabangsa memuat naik persembahan video mereka. Setiap UMT Buddies mempunyai cara mereka sendiri dalam menyelesaikan perkara seperti membuat kumpulan Telegram yang berasingan, atau hanya memberi mereka pautan Google Drive untuk peserta memuat naik video tanpa perlu mengganggu pihak penganjur.

Ringkasnya, ahli Kelab UMT Buddies adalah jambatan yang menghubungkan peserta dengan penganjur. Untuk menyertai Kelab UMT Buddies, jawatankuasa UMT Buddies akan membuat pilihan setiap tahun dan temuduga akan dijalankan untuk menyertai kelab ini. Pastikan para pelajar tidak terlepas iklan untuk menyertai Kelab UMT Buddies pada tahun 2023!

1. *VCLEP 2022 yang telah berjaya dianjurkan dengan kerjasama Kelab UMT Buddies, dibawah naungan Pusat Antarabangsa UMT*
2. *Antara peserta program dari China dan Filipina yang menyertai VCLEP2022*

RENUNGAN

SOLUSI KEHIDUPAN DENGAN TERAPI ZIKIR ASMA'UL HUSNA (SIRI 11)

oleh: Mohd Radhi Abu Shahim

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Pengenalan

Di antara nama-nama Allah SWT dalam rantaian Asma'ul Husna ialah al-Jabbar yang bermakna Yang Maha Berkuasa dan Yang Maha Gagah. Apakah perbezaan di antara al-Jabbar dengan al-Qadir yang juga bermakna berkuasa dan al-'Aziz iaitu yang mulia, gagah dan berkuasa?

Allah al-Jabbar ialah Yang Maha Berkuasa dan Gagah untuk Mencukupkan segala keperluan dan memperbaiki seluruh keadaan hamba-hamba-Nya. Perkataan Jabbar ini dijumpai dalam setiap rakaat sembahyang dalam duduk di antara dua sujud yang ada pada lapan doa tersebut iaitu:

رَبِّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَاجْبُرْنِي وَارْقُعْنِي وَارْزُقْنِي وَاهْدِنِي وَعَافِنِي وَأَعْفُ عَنِّي

(*rabighfirlii*), “Ya Tuhanku, ampunilah aku, (*warhamnii*)kasihanilah aku, (*wajburnii*)cukupkanlah segala kekuranganku, (*warfa`nii*)angkatlah darjatku, (*warzuqnii*)kurniakanlah aku rezeki, (*wahdini*)berikanlah aku petunjuk ke jalan kebahagiaan, (*wa`aafinii*)sihatkanlah aku, dan (*wa`fuannii*)maafkanlah aku.”

Allah SWT ada mengurniakan kepada manusia dengan sedikit kelebihan seperti harta, kecantikan, kecerdikan dan sebagainya, tetapi manusia hakikatnya tidak akan mempunyai kemampuan untuk mencukupkan keghairahan nafsu manusia.

Allah SWT berkata kepada Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

“..engkau bukanlah seorang yang berkuasa (mencukupkan) mereka (supaya masing-masing beriman). Oleh itu, berilah peringatan dengan al-Quran ini kepada orang yang takutkan janji azabKu”.

(*Qaaf 50:45*)

Nabi SAW adalah seorang Nabi dan Rasul yang diberi kelebihan wahyu untuk menyampaikan hidayah dan dakwah kepada manusia, namun beliau rasa sedih apabila bapa saudaranya sendiri yang melindungi dirinya dari Kafir Quraisy tidak terbuka hidayah untuk menerima Islam sehingga akhir hayat.

Perbincangan

Kita sedar bahawa Allah al-Jabbar, Allah Yang Maha Mencukupkan, Allah SWT boleh mencukupkan seseorang dan Allah SWT juga boleh membiarkan seseorang dalam keadaan yang tidak cukup. Bagaimana cara untuk Allah SWT mencukupkan diri kita seperti mana kita sering membaca doa di dalam duduk antara dua sujud? Terdapat dalam tiga keadaan Allah SWT boleh mencukupkan seseorang itu dengan:

Allah SWT mencukupkan kepada sesiapa yang berusaha dengan bersungguh-sungguh

Terdapat banyak dalam ayat-ayat di dalam al-Quran yang menyarankan manusia agar berusaha dengan bersungguh-sungguh, antaranya seperti ayat-ayat di bawah yang bermaksud:

“Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya”.

(Al-Baqarah, 2:286)

“Kemudian apabila engkau telah selesai (daripada sesuatu amal soleh), maka bersungguh-sungguhlah engkau berusaha (mengerjakan amal soleh yang lain)”

(Ash-Syar-h, 94:7)

Daripada Aisyah RA, bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah menyukai apabila salah seorang daripada kamu melakukan sesuatu pekerjaan, dia melakukannya dengan itqan (baik, tekun, bersungguh-sungguh, sempurna dan teliti)”

(Hadis riwayat al-Baihaqi)

Banyak juga ayat-ayat al-Quran mengandikan antara orang-orang beriman dan beramal soleh. Contoh terbaik adalah Nabi Muhammad SAW yang berdakwah dengan bersungguh-sungguh dalam menyampaikan keindahan Islam, walaupun diduga dengan pelbagai cabaran seperti dibaling batu, dicaci-maki, hingga ingin dibunuh, namun Baginda SAW terus cekal dan berdakwah dengan bersungguh-sungguh hingga akhirnya Islam tersebar ke serata dunia dan sehingga kini kita mendapat rahmat dari ajaran Islam.

Kita juga boleh lihat betapa sejarah ketamadunan Islam dahulu yang sangat hebat dengan kemajuan ilmu dan teknologi. Contohnya Ibnu Sina yang terkenal sebagai bapa perubatan moden bukan sahaja di dunia Islam tetapi dunia barat yang mengenalinya sebagai Avicena dan mengakui kehebatan ilmunya terutama dalam bidang perubatan. Ramai lagi tokoh-tokoh Islam seperti al-Farabi, al-Khwarizmi dan banyak lagi. Hal ini demikian kerana mereka memahami dengan makna Allah al-Jabbar iaitu Allah Yang Maha Mencukupkan apabila kita berusaha dengan bersungguh-sungguh. Seperti kata pepatah orang-orang melayu *“Alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan”* *“Genggam bara api biar sampai jadi abu”* dan jangan hanya *“seperti melepaskan batuk ditangga”*.

Allah SWT mencukupkan kepada orang-orang yang bertawakal kepada-Nya

Tawakal bermaksud berusaha dengan bersungguh-sungguh, baki usaha yang kita tidak mampu kita serahkan kepada Allah SWT. Hal ini dijelaskan dalam al-Quran yang bermaksud:

“..sesiapa berserah diri bulat-bulat (tawakkal) kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya)”.

(At-Talaaq 65:3)

Terdapat kisah mengenai Nabi Sulaiman A.S yang mempunyai mukjizat bercakap-cakap dengan binatang. Suatu ketika baginda bertanya kepada semut mengenai banyaknya makanan semut dalam masa satu tahun. Jawab semut, dalam setahun satu biji kurma. Mendengar jawapan tersebut, Nabi Sulaiman A.S berkata baginda akan sediakan kurma untuk semut itu supaya dia tak perlu bekerja dan semut bersetuju.

Semut itu ditempatkan bersama dengan sebiji kurma hinggalah setahun berlalu dan Nabi Sulaiman A.S datang bertanya mengenai keadaan semut tersebut. Semut berasa tidak tenang bahkan kurma pun tidak habis dimakannya. Tatkala ditanya kenapa, semut mengatakan dahulu walaupun ia bertemu

sedikit sahaja makanan, setiap kali dia mencari dan bertemu makanan ia memakannya dan merasa cukup. Tetapi setelah diberikan sebiji kurma, setiap kali dia menggigit kurma tersebut, terfikir pula apa akan jadi kalau-kalau Nabi Sulaiman A.S terlupa untuk memberinya kurma lagi. Jadi ia makan sedikit demi sedikit bimbang makanannya akan habis. Lalu semut meminta dilepaskan seperti dahulu untuk mencari rezekinya walaupun susah tetapi ia bertawakal kepada Allah SWT.

Allah SWT akan mencukupkan keperluan manusia, makan dan pakai manusia selagi nyawa dikandung badan. Hal ini dijelaskan dalam al-Quran yang bermaksud:

“Dan tiadalah sesuatu pun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Lauh mahfuz) yang nyata (kepada malaikat-malaikat yang berkenaan)”.

(Hud, 11:6)

Bertawakal menjadikan hati manusia akan tenang. Oleh demikian, manusia bukan dimewahkan dengan harta semata-mata untuk merasa kecukupan dalam hidup sebaliknya perlu didedahkan dengan ilmu bertawakal, barulah manusia akan merasa cukup dan tenang.

Allah SWT akan mencukupkan bagi orang-orang yang berdoa

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan Tuhan kamu berfirman: “Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina”.

(Ghaafir, 40:60)

Terdapat hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud mengenai Nabi SAW telah melihat seorang telah berdoa dengan bersungguh-sungguh. Baginda SAW bersabda, *“Mudah-mudahan doa hamba ini akan dimustajabkan oleh Allah jika disempurnakan”*. Para sahabat yang berada di sekeliling baginda bertanya apakah penyempurnaan doa itu. Jawab baginda SAW, “Amin”. Baginda SAW tidak pula berkata “sebutkan” Amin.

Perkataan “Amin” bukan asal dari bahasa Arab. Ia adalah satu perkataan khusus untuk doa. Walaupun kebetulan dalam bahasa Arab ada perkataan Amin, namun “Amin” dalam doa bukan berasal dari bahasa Arab. Orang Yahudi, Kristian juga berdoa dan menggunakan perkataan “Amin”. Ia anugerah kepada para Nabi dan disyariatkan kembali kepada umat Nabi Muhammad SAW terdapat tiga maksud perkataan “Amin” iaitu:

Istami' iaitu dengarlah

Orang yang berdoa perlu mendengar doa yang dibacanya dan faham apa yang didoakan. Jika dibacakan doa dari ayat al-Quran atau Hadis tetapi tidak memahaminya adalah tidak mengapa kerana memang disyariatkan kita membaca doa tersebut. Adalah sesuatu yang baik sesuatu doa yang dibaca itu perlu disebut, didengar dan difahami.

Berdoa secara istami' ini seperti kita bercakap dengan seseorang. Namun berdoa dengan Allah SWT perlu lebih terperinci daripada itu dan digalakkan untuk merintih didepan Allah SWT. Sekiranya kita ingin berhajat pada seseorang maka adalah lebih baik untuk disebutkan nama orang yang hendak didoakan. Nabi SAW tatkala berdoa juga menyebut nama, “Ya Allah, Islamkanlah di antara dua Umar”.

Taqabbal iaitu terima


Terima di sini bermakna terima akan keadaan diri. Apabila kita berdoa memohon sesuatu dari Allah SWT, contohnya kita berdoa untuk dimudahkan rezeki, maka kita perlu menerima keadaan kita terlebih dahulu dan perlu tahu kelemahan diri dan apa yang boleh dilakukan untuk mengubahnya. Secara analogi, sekiranya kita berdoa untuk lulus dalam peperiksaan, maka kita perlu terima hakikat jika malas membaca buku maka kita tidak akan lulus.

Istajib iaitu tunaikan hak-hak doa itu.

Jika ada perajurit atau tentera yang hendak menang dalam peperangan, dia perlu terjun ke medan peperangan tersebut. Bukan setakat memohon kepada Allah SWT kemenangan tetapi dia sendiri bersembunyi di sebalik tabir. Sekiranya kita hendak tanaman kita subur, kita kena turun bertani, membaja dan lakukan apa-apa yang perlu. Sekiranya hanya berdoa sahaja tetapi tidak melakukan kerja-kerja yang sepatutnya, tanaman itu tidak akan subur. Sekiranya hendak anak cemerlang dalam peperiksaan, tunaikan hak doa tersebut dengan menyuruhnya belajar terlebih dahulu.

Kesimpulan

Sehebat mana darjat dan status manusia itu, dia tidak akan mampu untuk mencukupkan keghairahan nafsu manusia. Hanya Allah al-Jabbar sahaja yang berkuasa untuk mencukupkan keperluan dan memperbaiki diri dengan jalan usaha yang bersungguh-sungguh, bertawakal dan berdoa kepada-Nya. Nabi SAW menyatakan bahawa penyempurnaan doa itu adalah "Amin" iaitu 'Istami' dengarkanlah, 'Taqabbal' terima dan 'Istajib' tunaikanlah. Sekiranya kita berkehendakkan kehidupan yang cemerlang, kita perlu merancang ke arah kecemerlangan dan disusuli dengan usaha, tawakal dan doa.



Ekonomi Sumber Alam Teori dan Aplikasi

Penyunting:

- Zuraini Anang
- Mahirah Kamaludin
- Roseliza Mat Alipiah

ISBN: 978-967-2793-73-1

2022




Keunikan Kejadian Alam dari Perspektif Sains dan Islam

Pengarang:

- Firdaus Khairi Abdul Kadir
- Noor Aisyah Abdul Aziz

ISBN: 978-967-2793-76-2

2023




Gender Equality – Looking Into the Fathering Japan Concept

Pengarang:

- Nik Hazimah Nik Mat
- Zaharul Nizal Zabidi
- Roswati Abdul Rashid
- Nor Fatimah Che Sulaiman
- Masutani Satoshi

ISBN: 978-967-2793-78-6

2023



Bunga Mawar Pembiakan, Penjagaan dan Kegunaan

Pengarang:

- Aziz Ahmad
- Fatimah Hashim
- Norhayati Yusof
- Sharifah Marzety Al Sayed Mohamad

ISBN: 978-967-2793-79-3

2023




Pengkulturan Telur dan Penjagaan Juvenil Belangkas Pantai (*Tachypleus gigas*)

Pengarang:

- Faridah Mohamad
- Anis Syahira Abdul Halim
- Noraznawati Ismail
- Mhd. Ikhwanuddin Abdullah

ISBN: 978-967-2793-80-9

2023




Modul Jurupandu Belangkas

Pengarang:

- Kalsitinoor Set
- Faridah Mohamad
- Nur Aini Alisa Maurus Julian Bedu
- Anis Syahira Abdul Halim

ISBN: 978-967-2793-82-3

2022



Manuskrip al-Quran Emas Warisan Kesultanan Terengganu (CD)

Pengarang:
Riswadi Azmi

eISBN: 978-967-2793-39-7

2023